



Tengku Adnan memberikan ucapan pada pertemuan dengan mahasiswa yang akan membantu jentera pilihan raya.

Gerak 25,000 mahasiswa



Putrajaya

Bantu jentera pilihan raya BN di kawasan panas sepanjang tempoh berkempen

Sekurang-kurangnya 25,000 mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara akan digerakkan sebagai sukarelawan bagi membantu jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) terutama di kerusi panas sepanjang tempoh berkempen.

Pengerusi Biro Institut Pengajian Tinggi (IPT) UMNO Datuk Razali Ibrahim berkata, pembabitan mahasiswa dibawah program Siswa4U itu bertujuan membabitkan mereka secara langsung dalam gerak kerja parti ketika kempen dan proses pilihan raya berlangsung, selaras de-

FAKTA
Mahasiswa akan digerakkan di 34 kawasan panas berhampiran kampus masing-masing

Lembah Pantai; Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan membantu di Gelang Patah; Parlimen Putrajaya akan dibantu mahasiswa dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) membantu Parlimen Pekan serta Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam akan membantu di Parlimen

Shah Alam.

"Mereka akan bekerja sebagai jentera parti secara sukarelawan menjaga keselamatan, mengedarkan poster, berkempen dengan cara mereka sendiri, merangangkan manifesto BN dan mengedar kan risalah kepada pengundi.

"Bagi 36 kawasan yang mempunyai ramai pengundi dalam kalangan mahasiswa mereka akan memujuk dan berkempen bagi menggalakkan golongan itu menunaikan tanggungjawab mereka untuk mengundi," katanya pada sidang media selepas melancarkan Siswa4U di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Setiausaha Agung BN/UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Pengurus Sekretariat Siswa4U, Hafiz Ariffin.

Pada 19 April 2012, Dewan

Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012, yang membenarkan penuntut universiti terbabit dalam politik dan memegang jawatan dalam persatuan serta pertubuhan di luar kampus, sebahagian transformasi politik negara yang dilakukan kerajaan.

Razali berkata, AUKU dipinda kerana kita ingin memberi peluang kepada mahasiswa yang dinafikan hak dalam politik.

"Kalau mereka yang berusia 23 tahun di luar kampus boleh menyertai politik, tetapi mereka yang berada di dalam kampus tidak boleh berpolitik, jadi kita kehilangan tenaga di kampus sedangkan mereka boleh membantu, kali ini kita memberi peluang kepada mereka," katanya.